

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 111

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah kebanjiran pendatang tanpa izin di Sabah yang agak membimbangkan sejak kebelakangan ini terutamanya kes-kes berkaitan jenayah yang kebanyakannya melibatkan mereka di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan memandang serius isu berkenaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berlaku di negeri Sabah. Isu ini sememangnya telah berlarutan sejak beberapa lama, namun kerajaan tidak pernah jemu dalam meneruskan tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil seperti:

- a. Menjaga Kedaulatan Persempadanan Negara

Tugas ini dipikul oleh agensi seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) merangkumi kawalan persempadanan di darat, laut dan udara.

b. Menggiatkan Operasi Bersepadu

Operasi bersepadu pelbagai agensi di negeri Sabah pada tahun ini telah mencatatkan jumlah tangkapan PATI seramai 2,686 orang (sehingga 1 Julai 2019). Tahanan ditempatkan di pusat tahanan sementara bagi proses pengusiran ke negara asal. Pada tahun ini juga sehingga 1 Julai 2019, seramai 6,188 orang PATI telah diusir dari negeri Sabah.

c. Penguatkuasaan Undang-Undang

Perundangan sedia ada (Akta Imigresen) berkaitan dengan PATI membolehkan pendakwaan dan hukuman dikenakan kepada mereka yang melindungi atau menggaji PATI atau membenarkan PATI dalam premis. Hukuman denda tidak melebih RM50,000 atau penjara tidak melebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan kepada pesalah. Selain daripada itu, pihak PDRM negeri Sabah telah mempertingkatkan usaha membendung isu jenayah diseluruh daerah dengan melaksanakan operasi cegah jenayah dikawasan tumpuan yang melibatkan kehadiran PATI.

d. Penyenaraian Hitam (*Blacklist*)

Bagi memastikan PATI yang telah diusir tidak kembali ke Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia mengenakan tindakan senarai hitam bagi tempoh 1 hingga 5 tahun ataupun seumur hidup mengikut kategori kesalahan yang dilakukan. Penyenaraian hitam ini dilakukan Jabatan Imigresen melalui kaedah maklumat biodata pendatang dan kaedah biometrik cap jari. Kaedah rekod biometrik ini membolehkan Jabatan Imigresen mengesan PATI yang telah disenarai hitam, yang cuba memasuki Malaysia menggunakan identiti palsu. Kerajaan juga pada masa sekarang sedang menambahbaik sistem biometrik sedia ada bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem tersebut.

SOALAN NO : 111

2. Di samping tindakan-tindakan di atas, kerajaan juga berusaha memfokuskan ke arah mengurangkan faktor penolak atau *push factor* yang membuatkan ramai PATI membanjiri negeri ini, iaitu kadar kemiskinan yang tinggi di Selatan Filipina dan Indonesia. Kerajaan berpegang kepada prinsip memakmurkan jiran atau “Prosper Thy Neighbor”, iaitu memberi sokongan terhadap usaha memajukan ekonomi dan usaha damai di Filipina terutamanya di bahagian Selatan dan juga Indonesia. Komitmen memberi sokongan ini telah diutarakan sendiri oleh YAB Perdana Menteri kepada Mr. Rodrigo Duterte, Presiden Filipina semasa lawatan beliau ke Manila pada 7 Mac 2019. Kemajuan ekonomi di tempat-tempat berkenaan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya memperbaiki taraf hidup penduduk di sana, dan diharapkan kadar migrasi PATI ke negeri Sabah juga berkurangan.

Sekian, terima kasih.